

# Huraian Kata Adverba Bahasa Melayu Berdasarkan Data Korpus Berkomputer

Rohaizah Ab. Karim  
rohaizah@fbk.upsi.edu.my  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## Abstrak

Kata adverba merupakan golongan kata yang baharu dibincangkan dalam *Tatabahasa Dewan*. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan pola kehadiran kata adverba, selain mencari kata adverba lain yang tidak tersenarai dalam 31 jenis kata adverba jati yang terkandung dalam *Tatabahasa Dewan*. Dengan menggunakan data korpus berkomputer yang terdiri daripada akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*, kajian ini akan menghuraikan kehadiran kata adverba. Hasil analisis mendapati bahawa kata adverba boleh menjadi penerang kepada kata nama/frasa nama, kata kerja/frasa kerja, kata adjektif/ frasa adjektif, dan frasa sendi nama sama ada penerang hadapan atau penerang belakang. Kajian ini juga menemui beberapa kata adverba jati yang tidak disenaraikan dalam *Tatabahasa Dewan* yang menunjukkan kesuburan kata adverba itu dalam bahasa Melayu.

**Kata kunci** kata adverba; data korpus

## Abstract

*Adverbial is a new class of words that are discussed in the Tatabahasa Dewan. Therefore, this study aims to describe the pattern of the presence of the adverbial, also try to search different adverbial which is not listed in the thirty-one types of natural adverbials contained in the Tatabahasa Dewan. By using the computerized data corpus consisting of Berita Harian and Utusan Malaysia, this study will elaborate the presence of the adverbial words. Results show that the adverbial words can be a modifier to the nouns / noun phrase, verbs/verb phrases, adjectives/adjective phrases, and prepositional phrases whether for front or behind modifier. The study also found some natural adverbials which are not listed in the Tatabahasa Dewan revealed that there are many adverbials in the Malay language.*

**Keyword** *adverbial; corpus data*

## Pengenalan

Kata adverba bukanlah golongan kata yang baharu dalam kajian kebahasaan. Golongan kata ini pernah disebut oleh Za'ba (1965) sebagai 'sifat kata'. Selain itu, 'kata adverba' juga dikenali sebagai 'kata keterangan' oleh Liaw Yock Fang (1985) dan Arbak Othman (1985). Istilah 'kata adverba' hanya digunakan oleh Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain (1985), Lutfi Abas (1992), Asmah Haji Omar (2008; 2009), Abdullah Hassan (2006; 2008), Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008).

*Tatabahasa Dewan* yang menjadi pegangan utama dalam sistem pendidikan sekolah pada mulanya menolak golongan kata ini dalam nahu bahasa Melayu dengan menyatakan bahawa kata adverba tidak perlu atau tidak tepat bagi nahu bahasa Melayu kerana unsur keterangan, yakni adverba tidak terbatas kepada unsur keterangan kata kerja. Predikat dalam bahasa Melayu juga terdiri daripada frasa adjektif dan frasa sendi nama (Nik Safiah Karim *et al.* (1997:xiii). Walau bagaimanapun, pandangan ini berubah apabila turut memuatkan kata adverba di bawah kelas kata tugas pada terbitan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008).

Oleh sebab kajian ini bersifat tinjauan awal, maka penghuraian kata adverba hanya akan berdasarkan empat tokoh terkemuka dalam bidang bahasa dan linguistik Melayu, iaitu Za'ba (1965), Asmah (2008; 2009), Abdullah Hassan (2006; 2008) dan Nik Safiah Karim *et al.* (2008) sahaja. Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan istilah 'kata adverba' memandangkan istilah ini paling banyak digunakan oleh pengkaji bahasa sebelum ini.

## Permasalahan Kajian

Za'ba (1965), Asmah Hj Omar (2008; 2009), Abdullah Hassan (2006; 2008) dan Nik Safiah Karim *et al.* (2008) tidak bersepakat bagi menghuraikan kata adverba. Selain berbeza istilah, kehadiran kata ini juga menjadi persoalan. Za'ba (1965) sendiri tidak mengkhususkan kedudukan kata adverba dalam ayat. Namun, jika diteliti daripada contoh-contoh yang diberikan, kata ini dilihat hadir sebelum atau selepas kata kerja. Namun begitu, Asmah Hj. Omar (2008; 2009) lebih berminat membicarakan frasa adverba berbanding kata adverba. Jika merujuk kepada kata adverba, beliau menyatakan kata ini berada di

ajung yang menerangkan kata kerja dalam predikat ayat. Abdullah Hassan (2006; 2008) pula apabila berbicara tentang adverba, beliau menyifatkan adverba ialah perkataan, frasa atau klausa yang menerangkan kata, frasa dan klausa kerja, adjektif dan adverba sendiri. Berbeza dengan Nik Safiah *et al.* (2008), kata adverba dilihat dapat hadir di hadapan dan juga belakang kata nama/frasa nama, kata kerja/frasa kerja, kata adjektif/frasa adjektif dan frasa sendi nama. Berdasarkan keempat-empat tokoh tersebut, dapatlah disimpulkan kata adverba bahasa Melayu seperti berikut;

Kata Adverba menerangkan...	Za'ba, (1965)	Asmah Hj. Omar, (2008;2009)	Abdullah Hassan, (2006; 2008)	Nik Safiah Karim <i>et al.</i> (2008)
Kata Nama/ Frasa Nama				√
Kata Kerja/ Frasa Kerja	√	√ (dalam predikat ayat/ ajung)	√	√
Kata Adjektif/ Frasa Adjektif			√	√
Frasa Sendi Nama				√
Kata Adverba			√	

Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menghuraikan pola kehadiran kata adverba, selain mencari kata adverba lain yang tidak tersenarai dalam 31 jenis kata adverba jati dalam *Tatabahasa Dewan*.

## Sorotan Kajian

Kajian ini hanya akan menyorot kajian kata adverba berdasarkan pandangan empat tokoh yang sangat berpengaruh dalam kajian linguistik dan kebahasaan, iaitu Za'ba (1965) Asmah (2008; 2009), Abdullah Hassan (2006; 2008) dan Nik Safiah Karim *et al.* (2008).

### Za'ba (1965)

Za'ba (1965) menjelaskan perkataan sifat terbahagi kepada dua, iaitu sifat nama dan sifat kata. Sifat nama berfungsi menerangkan

nama atau gantinya, manakala sifat kata ialah keterangan perkataan lain daripada nama. Sifat kata ini sebenarnya merujuk kepada kata adverba. Beliau telah memberikan beberapa sifat kata pula seperti datang *lambat*, terbang *tinggi*, pergi *segera*, *selalu* menangis, *terlalu* jahat dan elok *benar*. Menurut Za'ba juga sesuatu perkataan boleh menjadi sifat nama pada satu tempat dan ada kalanya sifat kata pada tempat lain, bergantung kepada tugasnya sebagai penerang nama atau selain daripada nama. Contohnya;

- a. Rumah *lama* itu sudah runtuh. (Sifat Nama)
- b. Sudah *lama* diam di sana. (Sifat Kata )

Dari segi fungsi, Za'ba membahagikan kata adverba kepada enam, iaitu,

- i. sifat kata cara atau gaya
- ii. sifat kata masa
- iii. sifat kata tempat
- iv. sifat kata sebab atau tujuan
- v. sifat kata darjah atau kadar
- vi. sifat kata penentu

Contoh-contoh sifat kata adalah seperti berikut;

Sifat Kata	Contoh
sifat kata cara atau gaya	<i>betapa, lambat, dan elok-elok</i>
sifat kata masa	<i>bila : tadi, baharu, semalam, kelmarin, esok lama : sebentar, sekejap, sejurus, seketika kali/ulangan : sekali, kerap kali, jarang-jarang</i>
sifat kata tempat	<i>dahulu, kemudian, jauh, hampir, dekat</i>
sifat kata sebab/tujuan	<i>mengapa, kenapa</i>
sifat kata kadar atau darjah	<i>lebih, kurang, cukup, sedikit, amat,</i>
sifat kata penentu	<i>tentu, bukan, tidak, tiada, jangan, entah</i>

### Asmah Haji Omar (2008; 2009)

Asmah (2008; 2009) melihat kata adverba sebagai penerang kepada kata kerja pada predikat ayat, atau dengan kata lain, kata ini berfungsi pada ajung ayat dalam struktur Subjek-Predikat-Objek-Ajung.

Golongan kata ini dikatakan tidak banyak kecuali jika dilihat dari bentuk frasa dan klausa. Walau bagaimanapun, jika hanya merujuk kepada kata adverba, subsistemnya hanya ada enam (Asmah, 2008) iaitu;

- i. kata adverba tempat
- ii. kata adverba waktu
- iii. kata adverba cara
- iv. kata adverba gaya
- v. kata adverba harapan
- vi. kata adverba hakikat

Dari segi bentuk kata adverba, Asmah membahagikannya kepada bentuk unggulan dan juga bentuk terbitan. Kata adverba unggulan adalah seperti *kelmarin, semalam, esok, sekarang, tadi, sana, sini*, dan *situ*. Kata adverba bentuk terbitan pula terdiri daripada kata adverba imbuhan awalan (se-) dan akhiran (-an). daripada kata adverba imbuhan awalan (se-) dan akhiran (-an).

Awalan (se-) apabila bergabung dengan kata dasar daripada golongan kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata bantu boleh menghasilkan kata adverba. Akhiran (-an) pula bergabung dengan kata dasar berganda. Selain itu, Asmah juga menegaskan imbuhan awalan (se-) yang bergabung dengan kata dasar, sama ada kata kerja tak transitif, kata adjektif tabii atau sikap, kata adjektif *benar*, dan kata bantu modalitas untuk membentuk kata adverba memerlukan penggunaan *-nya* bagi menghasilkan ayat yang baik.

<b>Contoh Kata Adverba yang Terbentuk daripada Imbuhan Awalan (se-)</b>	<b>Contoh Kata Adverba yang Terbentuk daripada Imbuhan Akhiran (-an)</b>
<i>Sewaktu, semasa, sebelum, sesudah, setelah, seperginya, setibanya, sekembalinya, sebaiknya, seeloknya, sebenarnya, semestinya, sepatutnya, sebolehnya, seboleh-bolehnya</i>	<i>kecil-kecilan, besar-besaran, hebat-hebatan, terang-terangan dan mudah-mudahan.</i>

**Abdullah Hassan (2006; 2008)**

Abdullah (2006; 2008) menyatakan bahawa adverba ialah perkataan, frasa atau klausa yang menerangkan kata, frasa dan klausa kerja, adjektif dan adverba sendiri. Dalam erti kata lain, kata adverba merupakan semua aktiviti dalam kata kerja dan keadaan yang ditunjukkan oleh kata kerja, kata adjektif dan kata adverba mempunyai sifat atau cara. Contohnya *menulis pantas, bermain kuat-kuat. Kuat-kuat dan pantas* merupakan cara atau keadaan melakukan perbuatan. Beliau juga berpendapat bahawa kata adverba tidak berfungsi menerangkan kata sendi kerana beranggapan kata sendi sebagai kata adverba. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam ayat, semua aktiviti dalam kata kerja, kata adjektif dan kata adverba mempunyai sifat atau cara. Sifat atau cara inilah yang dikatakan kata adverba. Oleh sebab itu, kata adverba hanya memberi keterangan kepada frasa sendi seperti contoh berikut;

- a. berjalan *dengan lemah longlai*
- b. membaca *di perpustakaan*

Walaupun kata adverba sememangnya tergolong dalam kata tugas, namun ada juga sebahagian golongan kata tugas lain yang tergolong dalam kata adverba, iaitu kata bantu aspek (*sudah, telah, pernah, belum, sedang, akan, masih*), kata bantu ragam (*mahu, hendak, enggan*), dan kata penguat (*amat, benar, sungguh, sangat, terlalu, terlampau, berapa, cukup, betul, sekali*).

Untuk mengenali kata adverba, Abdullah Hassan memberikan dua kaedah, iaitu:

1. Kata adverba diterangkan oleh kata penguat
2. Kata adverba bebas posisinya

Dari segi bentuk pula, kata adverba terdapat dalam bentuk tunggal, kata terbitan, kata ganda, kata berangkap atau berpasangan, dan frasa. Kata dalam bentuk tunggal ialah kata yang tidak menerima imbuhan. Berikut diberikan contoh lima bentuk kata adverba tersebut.

Bentuk Kata Adverba	Contoh
Tunggal	sakit <i>tenat</i> , tidur <i>lena</i> , putih <i>melepak</i>
kata terbitan	makan <i>bersuap</i> , berjalan <i>terhegeh-hegeh</i> , jatuh <i>berderai</i>

kata ganda	buai <i>laju-laju</i> , bercakap <i>marah-marah</i> , bekerja <i>bertungkus-lumus</i>
kata berangkap atau berpasangan	berjalan <i>lemah lembut</i> , menari <i>lemah longlai</i> , <i>susah payah</i> berusaha
frasa	berjalan <i>lemah dan longlai</i> , bertiuip <i>sepoi-sepoi bahasa</i> , sepi <i>seperti tanah perkuburan pada waktu malam</i>

### Nik Safiah Karim *et al.* (2008)

Nik Safiah Karim *et al.* (2008) mendefinisikan kata adverba sebagai perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama, dan frasa sendi nama dari segi cara, masa dan tempat. Dari segi kedudukan dalam ayat, kata adverba dapat hadir di hadapan dan juga belakang frasa. Kata adverba tidak dianggap sebagai kata utama kerana tidak boleh menjadi inti kepada konstituen frasa predikat. Sehubungan itu, kata ini termasuk dalam golongan kata tugas. Nik Safiah Karim *et al.* (2008) telah membahagikan kata adverba kepada empat bentuk, iaitu kata adverba jati, kata adverba yang asalnya kata adjektif, kata adverba yang asalnya kata kerja, dan kata adverba bentuk gandaan.

Kata adverba jati terdiri daripada perkataan yang sememangnya berfungsi sebagai penerang kepada golongan kata yang terdiri daripada kata kerja dan frasa kerja, kata adjektif dan frasa adjektif atau frasa sendi nama. Kata-kata ini sememangnya tidak termasuk ke dalam mana-mana golongan kata. Oleh sebab itu, perkataan-perkataan tersebut mereka menggolongkannya sebagai kata adverba.

Bentuk kedua ialah kata adverba yang asalnya kata adjektif. Kata adverba yang asalnya kata adjektif ialah perkataan yang berasal daripada golongan kata adjektif tetapi yang menerangkan kata kerja, kata adjektif dan frasa sendi nama. Kata-kata adverba jenis ini juga dapat hadir di hadapan dan selepas perkataan yang diterangkannya.

Kata adverba bentuk ketiga ialah kata adverba yang asalnya kata kerja iaitu kata adverba yang berasal daripada kata kerja tetapi berfungsi sebagai unsur penerang kepada kata kerja, kata adjektif dan frasa sendi nama, manakala bentuk keempat, iaitu kata adverba bentuk gandaan ialah perkataan yang mengalami proses penggandaan yang berfungsi menerangkan kata kerja, kata adjektif atau frasa sendi nama.

Berikut diperturunkan contoh-contoh kata adverba mengikut bentuk masing-masing.

Bentuk Kata Adverba	Contoh
Kata adverba jati	tiba <i>kelmarin</i> , menulis <i>begini</i> , <i>kerap kali</i> bertegur sapa, <i>nyaris</i> tertembak, <i>sering kali</i> sakit, <i>barangkali</i> betul, dan <i>sempat</i> ke rumah neneknya.
Kata adverba yang asalnya kata adjektif	bertiup <i>kencang</i> , ketawa <i>besar</i> , <i>hampir</i> terjatuh, sakit <i>kuat</i> , besar <i>panjang</i> , tinggi <i>lampai</i> , <i>segera</i> ke pejabat, di rumah <i>selalu</i> , dan <i>sering</i> di kolam renang.
Kata adverba yang asalnya kata kerja	berjalan <i>mengiring</i> , terbang <i>mengawan</i> , hitam <i>berkilat</i> , putih <i>berseri</i> , di rumah <i>bersendirian</i> ke hutan <i>berseorangan</i>
Kata adverba bentuk gandaan	<i>pura-pura</i> tidak dengar, <i>jarang-jarang</i> datang, duduk <i>diam-diam</i> , <i>betul-betul</i> marah, <i>sama-sama</i> ke pekan, tinggal <i>bermalam-malam</i> , jangan <i>sekali-kali</i> berbohong, dikenang <i>selama-lamanya</i> , menari <i>gila-gilaan</i> , berniaga <i>kecil-kecilan</i> , <i>mati-matian</i> mempertahankan tanah air, menangis <i>sedu-sedan</i> , lari <i>lintang-pukang</i> , berjalan <i>mundar-mandir</i>

## Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan data korpus daripada bahan-bahan bercetak yang telah dimuat naik dan diformatkan dalam bentuk digital. Bahan-bahan ini boleh diakses daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebanyak 2255 data korpus berkomputer digunakan bagi menganalisis pola kehadiran kata adverba. Bahan yang dipilih ialah akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia. Akhbar ini dipilih kerana nahunya lebih baik berbanding akhbar-akhbar lain. Sehubungan itu, pengkaji beranggapan pemilihannya sudah boleh mewakili kata adverba. Selain itu, hanya akhbar yang didapati banyak mengandungi kata adverba.

Kata adverba jati dan kata adverba penggandaan penuh dipilih untuk menguji pola kehadiran kata adverba dalam ayat. Pemilihan dua bentuk kata ini bersandarkan justifikasi tersebut;



i. Kata adverba jati

Pola kehadiran kata adverba jati didapati tidak tersusun seperti kata adverba yang asalnya kata adjektif dan kata adverba yang asalnya kata kerja. Misalnya,

- a. Pelancong itu akan tiba *esok* dari New Zealand. (KAD Jati)
- b. Dia pulang apabila mendengar ibunya sakit *kuat*. (KAD yang asalnya KA)
- c. Ketam ialah haiwan yang berjalan *mengiring*.

Berdasarkan contoh-contoh tersebut, didapati pola kehadiran kata adverba jati yang menerangkan kata kerja *tiba* boleh berubah kedudukan menjadi ayat berikut;

*Esok*, pelancong itu tiba dari New Zealand.

Walaupun berubah kata adverba *esok* tidak hadir di sebelah kata kerja *tiba* tetapi kata *esok* masih berfungsi menerangkan kata kerja *tiba*. Perkara ini tidak berlaku kepada ayat b) dan c). Dengan demikian, pengkaji memilih kata adverba jati *sentiasa*, *sekarang*, *saling*, *sempat*, dan *barang kali* untuk mewakili kata adverba jati kerana banyak ditemui dalam data korpus berkomputer.

ii. Kata adverba penggandaan penuh

Bentuk kata ini dipilih kerana paling banyak ditemui dalam korpus kajian. Oleh itu, lima kata adverba penggandaan dipilih untuk dianalisis, iaitu *sama-sama*, *diam-diam*, *betul-betul*, *cepat-cepat* dan *pura-pura*.

Bagi mencari kata adverba jati yang tidak tersenarai dalam *Tatabahasa Dewan*, pengkaji hanya menganalisis lima kata adverba jati, iaitu *sentiasa*, *sekarang*, *sempat*, *barangkali* dan *saling*. Data yang digunakan pula terdiri daripada 10,600 ayat.


Setelah memahami konsep kata adverba, pengkaji menganalisis pola kehadiran kata adverba dalam data korpus. Walau bagaimanapun, kajian ini secara dasarnya tidak menerapkan kerangka teori secara khusus tetapi hanya melihat kehadiran pola kata adverba berdasarkan huraian *Tatabahasa Dewan*.

## Dapatan Kajian

### 1. Pola Kehadiran Kata Adverba

Berdasarkan penelitian yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa kata adverba ini boleh menjadi penerang kepada kata nama/frasa nama, kata kerja/frasa kerja, kata adjektif/frasa adjektif, dan frasa sendi nama sama ada penerang hadapan atau penerang belakang.

Analisis yang dijalankan mendapati hanya 97% sahaja data yang benar-benar menunjukkan pola kehadiran kata adverba. 3% ayat lagi apabila dianalisis, bukan merujuk kepada kata adverba. Contohnya dalam ayat *Serentak itu, 500 pelatih yang terlibat dengan rusuhan...* Walaupun dilihat ada kata adverba *serentak* tetapi kata *serentak* dalam ayat tersebut berfungsi sebagai penanda wacana. Berikut dinyatakan peratusan kata yang dianalisis.



Rajah 1 Pola kehadiran kata adverba

Daripada keseluruhan ayat, kata adverba ternyata lebih banyak hadir di hadapan kata atau frasa, iaitu sebanyak 77%, berbanding hadir di belakang kata atau frasa yang hanya 20% sahaja.

Bagi kehadiran kata adverba di hadapan kata atau frasa, didapati kata adverba paling banyak menerangkan kerja/frasa kerja (70%), diikuti oleh kata adjektif/frasa adjektif (5%), frasa sendi nama (2%) dan kata nama/frasa nama (1%). Kehadiran kata adverba sebagai penerang belakang juga banyak ditemui pada kata kerja/frasa kerja (12%), seterusnya kata nama/frasa nama (5%), frasa sendi kata nama (3%) dan paling sedikit ialah kata adjektif/frasa adjektif (2%). Hal ini dapat dijelaskan melalui jadual 1.

**Jadual 1** Pola kehadiran kata adverba

Kehadiran Kata Adverba Golongan Kata	Hadapan	Peratus	Belakang	Peratus
Kata Nama/ Frasa Nama	26	1%	111	5%
Kata Kerja/ Frasa Kerja	1534	70%	257	12%
Kata Adjektif/ Frasa Adjektif	114	5%	44	2%
Frasa Sendi Nama	41	2%	53	3%
<b>JUMLAH</b>	<b>1713</b>	<b>78%</b>	<b>467</b>	<b>22%</b>

## A. Kata Adverba Sebagai Penerang Hadapan

### a. Penerang Hadapan Kata Kerja/Frasa Kerja

Kata adverba boleh menjadi penerang hadapan bagi kata kerja/frasa kerja yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:

1. ...sebelum Damien Duff menyusul dengan sepakan lintang yang *nyaris* **menewaskan** Cesar Sanjuan pada minit ke-81... (15)
2. ...kemosrotan akhlak adalah wabak penyakit yang *serentak* **menyerang** korbannya di mana-mana. (65)

Dalam ayat 1 dan 2, kata adverba *nyaris* dan *serentak* hadir di hadapan kata kerja **menewaskan** dan **menyerang** sebagai unsur penerang bagi kata kerja tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di hadapan kata kerja/frasa kerja.

3. Umar, Abu Bakar dan Ali pun *serentak* **menyerbu** ke tengah... (141)
4. Kedua-dua diplomat itu *saling* **membantu**... (33)
5. Penulis *sempat* **bergambar** di hadapan makam Amir. (4)
6. Cikgu Ahmad *sempat* **berkenalan** dengan Tan Sri Ismail Hussien... (29)
7. ...kementerian *sentiasa* **mengambil berat** mengenai tahap keselamatan... (44)

6. Antologi cerpen yang bakal terbit itu *barangkali* **mewakili** keseluruhan pembabitan Pak Awam... (19)
7. Budaya pegawai menyamar sebagai orang biasa *sekarang* sudah **berkurangan**. (130)
8. Kesukaran mereka untuk *sama-sama* **mengangkat** martabat, imej... (25)
9. Tuk Dali *pura-pura* **merungut**. (2)
10. ...mereka akan *pura-pura* **dijatuhkan** dalam petak penalti... (72)
11. Rasulullah bersama anak angkatnya, Zaid bin Harithah secara *diam-diam* **berkunjung** ke Taif. (67)
12. Kawasan berkenaan masih terletak dalam wilayah negara dan *betul-betul* **bersempadan** dengan Thailand. (40)
13. Boboi dan Fina *cepat-cepat* **masuk** ke dalam kereta... (99)

**b. Penerang Hadapan Kata Adjektif/ Frasa Adjektif**

Kata adverba boleh menjadi penerang hadapan bagi kata adjektif/ frasa adjektif yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:

1. ...tempat ini *sentiasa* **sesak**... (100)
2. Saya *betul-betul* **kecewa**... (7)

Dalam ayat 1 dan 2, kata adverba *sentiasa* dan *betul-betul* hadir di hadapan kata adjektif **sesak** dan **kecewa** sebagai unsur penerang bagi kata adjektif tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di hadapan kata adjektif/ frasa adjektif.

3. ...Abdul Aziz Shamsudin, yang mendapat pencalonan tertinggi, tetapi *nyaris* **kalah**. (121)
4. Dalam usaha itu, Kamarden *nyaris* **kecewa** apabila gagal mengawal basikal... (130)
5. Menurutnya, kerajaan *sentiasa* **peka** mengenai pemeliharaan kualiti alam sekitar... (193)
6. Sehubungan itu, Ketua Pembangunan dan Penyelidikan MSC Trustgate.com, Dr Seah Bong Keong mengingatkan syarikat di negara supaya *sentiasa* **serius** terhadap isu berkenaan... (60)

7. *Barangkali* baca puisi **kurang penting** (30)
8. Bakatnya tidak diikuti anak-anak *barangkali* kerana masih **awal**. (33)
9. *Barangkali* **benar** andaian bahawa pemimpin agung Taliban, Mullah Mohammad Omar, serta Osama bin Laden serta saki-baki pergerakan al-Qaeda sengaja dibiarkan bebas ... (91)
10. ... badan yang bertanggungjawab dengan aktivis serta anak-anak seninya *sama-sama* **layu** dan **luyu**. (20)
11. Mak dengan ayah *sama-sama* **kurus**. (146)
12. Pengemis *pura-pura* **cacat** tagih simpati. (18)
13. Kami hanya pulang bila waktu berbuka puasa hampir tiba dengan muka *pura-pura* **letih**. (46)
14. ... kerajaan negeri *betul-betul* **jujur** dan **ikhlas** serta bertindak tegas ... (1)
15. ... tidak seorang pun dibenarkan melawat kecuali mereka yang *betul-betul* **rapat** dengan penghibur itu. (69)

c) **Penerang Hadapan Frasa Sendi Nama**

Kata adverba boleh menjadi penerang hadapan bagi frasa nama sendi nama yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:

1. Lelaki itu memerhatikan seketika dan dahinya sedikit berkerut *barangkali* **dengan tanda tanya**. (16)
2. ...menguasai bola *betul-betul* **di belakang penyerang** utama. (101)

Dalam ayat 1 dan 2, kata adverba *barangkali* dan *betul-betul* hadir di hadapan frasa sendi nama **dengan tanda tanya** dan **di belakang penyerang** sebagai unsur penerang bagi frasa sendi nama tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di hadapan frasa sendi nama.

3. ...Afendi yang dihimpit *betul-betul* **di bawah batu besar**. (2)
4. Semakin berusia sesebuah sekolah berasrama penuh, maka semakin banyaklah rahsia yang *barangkali* **di luar batasan pemikiran** kita sendiri. (126)
5. Cawan berisi kopi itu diletakkan *betul-betul* **di sisi Seman**. (3)

6. Saya duduk *betul-betul* **di atas bonet depan**. (6)
7. Saya berada *betul-betul* **di depan Luca**...(24)
8. Bual kami dileretkan ke tubir Sungai Seine, *betul-betul* **di sisi NotreDame**...(49)
9. ...bilik gerakan utama Parti Keadilan Nasional (Keadilan) terletak *betul-betul* **di persimpangan** itu...(74)
10. Peranan guru kini semakin mencabar, memikul tanggungjawab lebih berat dan perlu *sentiasa* lebih **ke hadapan** daripada pelajar, terutama dari segi penguasaan ilmu pengetahuan. (71)

**d) Penerang Hadapan Kata Nama/Frasa Nama**

Kata adverba boleh menjadi penerang hadapan bagi kata nama/frasa nama yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:

1. ...kalau *betul-betul* **rakyat Malaysia**, dia terpaksa hadapi undang-undang di Indonesia ... (59)
2. Jadi *barangkali* ia bukan **gelombang raksasa**. (61)

Dalam ayat 1 dan 2, kata adverba *betul-betul* dan *barangkali* hadir di hadapan kata nama/frasa nama **rakyat Malaysia** dan **gelombang raksasa** sebagai unsur penerang bagi kata nama/ frasa nama tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di hadapan kata nama/frasa nama.

3. *Barangkali* kepada negara sebesar Amerika, ia hanyalah perkara **remeh**. (100)
4. ...lagipun kami *sama-sama* **orang Johor**. (141)
5. “Bagaimanapun dalam RM-8, penyelidikan lebih kecil dan *betul-betul* **asas**... (76)
6. Setiap seorang ada yang *betul-betul* **kawan**...(102)
7. “Mereka ingatkan saya *betul-betul* **peragut**,” cerita Azman. (103)
8. Kamus Rusia Malaysia itu *betul-betul* termasuk **kamus terbaik** di dunia. (172)
9. ...anak gadis itu memang *betul-betul* **‘ulat buku’** kerana sejak kecil...(187)
10. *Barangkali* kesan ‘novelty’ ini adalah **satu sebab** AF popular kerana selama ini khalayak TV tempatan sering dihidangkan dengan format rancangan nyanyian yang sama dan membosankan. (111)

## B. Kata Adverba sebagai Penerang Belakang

### a. Penerang Belakang Kata Kerja/Frasa Kerja

Kata adverba boleh menjadi penerang belakang bagi kata kerja/ frasa kerja yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:

1. ...jika **datang tawaran** belajar dari IPTA dan IPTS *serentak* untuk AKEP...(18)
2. Sentimen yang **wujud** *sekarang* juga menaikkan sedikit Indeks Komposit (CI)...(16)

Dalam ayat 1) dan 2), kata adverba *serentak* dan *sekarang* hadir di belakang kata kerja/ frasa kerja **datang tawaran** dan **wujud** sebagai unsur penerang bagi kata kerja/ frasa kerja tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di belakang kata kerja/ frasa kerja.

3. AIM juga merancang **mengadakan** program EMBA secara *serentak*...(17)
4. ...broker saham di Johor berkata, pembeli sepatutnya **membeli** *sekarang* dan jangan mengendahkan turun naik harian...(44)
5. “Mereka terpaksa **merombak** portfolio mereka *sekarang* dengan menjual saham... (19)
6. Menurut Abdul Halim, pertandingan itu **disertainya** secara *diam-diam* tanpa memberitahu sesiapaupun. (10)
7. Apakah Rahman akan **mengkritik** secara *diam-diam*... (27)
8. Kita harus **memahami** *betul-betul* termasuk dari segi cara kawalan emosi ... (44)
9. Mungkin kerana kami **meneliti** *betul-betul* petanda yang diberikan...(116)
10. ...kelihatan Salmah **berjalan** *cepat-cepat* mengarah ke depan Pejabat Pos Mini. (1)

### b. Penerang Belakang Kata Nama/Frasa Nama

Kata adverba boleh menjadi penerang belakang bagi kata nama/ frasa nama yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:

1. ...direkodkan seminggu sebelum dan seminggu selepas **dua perayaan serentak** itu. (1)
2. Walaupun terdapat sokongan institusi di pasaran, sebarang peningkatan ketara akan menarik penjual kerana ia akan menentang aliran menurun **pasaran sekarang**, katanya. (15)

Dalam ayat 1 dan 2, kata adverba *serentak* dan *sekarang* hadir di belakang kata nama/frasa nama **dua perayaan** dan **pasaran** sebagai unsur penerang bagi kata nama/frasa nama tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di belakang kata nama/frasa nama.

3. Pasaran mengikuti momentum meningkat dengan sokongan banyak **program penyusunan semula syarikat sekarang**, kata seorang penganalisis. (28)
4. Seorang peniaga berkata, trend pada amnya adalah lemah kerana kekurangan petunjuk, sambil menambah terdapat juga lebih sedikit pelabur disebabkan **cuti sekolah sekarang**. (35)
5. “**Tumpuan sekarang** adalah kepada saham mewah dan terbitan kegemaran yang boleh merebak ke saham lain dengan jumlah dagangan yang lebih baik,” katanya. (54)
6. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang baru dianggotai 45 pemimpin terpilih dalam **pilihan raya serentak** di kampus Jalan Semarak, Kuala Lumpur dan Skudai, Johor, Selasa lalu, akan dibentuk selewat-lewatnya 31 Disember ini. (51)
7. Di sebalik kerancangan **tayangan serentak** Syukur 21 di empat negara Asean, timbul cerita sensasi mengatakan wujudnya perang dingin di antara pengarah filem itu, Mohd Aliff Najmi Abdullah (Eddie Pak) dengan produser Metrowealth Movies Productions (MMP). (56)
8. “**Perkongsiannya** ini bukan *pura-pura* tapi perkongsiannya yang sebenar.” (49)
9. Mereka itu **pejuang pura-pura** sahaja. (86)

### c. Penerang Belakang Frasa Sendi Nama

Kata adverba boleh menjadi penerang belakang bagi frasa sendi nama yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:



1. ...menyiasat punca empat pesawat boleh dirampas **dalam waktu serentak**.
2. Pasaran berprestasi baik **pada tahap sekarang** walaupun pelabur belum memberi tindak balas... (4)

Dalam ayat 1 dan 2, kata adverba *serentak* dan *sekarang* hadir di belakang frasa sendi nama **dalam waktu** dan **pada tahap** sebagai unsur penerang bagi kata nama/frasa nama tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di belakang frasa sendi nama.

3. ...lapan langkah disarankannya **pada ucapan perasmian serentak** Perhimpunan Wanita, Pemuda dan Puteri ... (163)
4. ... pasaran didapati tidak berubah dan dijangka stabil **pada tahap sekarang** hingga mempengaruhi pelabur mengambil untung selepas dua kali pemulihan. (7)
5. Barangkali ia (pasaran) sedang mencari-cari petunjuk baru bagi merangsang pasaran untuk meningkat **daripada tahap sekarang,**" katanya. (13)
6. Seorang peniaga berkata pasaran dijangka kekal **pada paras sekarang.** (30)
7. Jika ia kekal **pada tahap sekarang,** harga boleh bergerak... (42)
8. Sementara itu, Suruhanjaya Sekuriti (SC), mengambil keputusan untuk menaikkan caj pengendalian minimum bagi setiap kontrak kepada RM12 **daripada RM5 sekarang** bagi semua sekuriti selain daripada instrumen pinjaman. (66)
9. Siap dengan mata kapak yang melengkung **macam kapak betul-betul.** (133)

#### d. Penerang Belakang Kata Adjektif/Frasa Adjektif

Kata adverba boleh menjadi penerang belakang bagi kata adjektif/frasa adjektif yang berperanan sebagai inti dalam ayat. Sebagai penerang, kata adverba menjadi unsur yang menerangkan makna dalam inti ayat tersebut. Misalnya, dalam ayat berikut:

1. "Bagi saya, biar fikir betul-betul, **insaf betul-betul** kemudian baru bertaubat...(12)
2. Kekeliruan menyelubungi isu cukai keluar mula **jelas sekarang...** (14)

Dalam ayat 1 dan 2, kata adverba *betul-betul* dan *sekarang* hadir di belakang kata adjektif/frasa adjektif **insaf** dan **jelas** sebagai unsur penerang bagi kata adjektif/frasa adjektif tersebut. Perhatikan juga contoh-contoh lain yang memperlihatkan kehadiran kata adverba di belakang kata adjektif/frasa adjektif.

3. Sentimen **kukuh** *sekarang* disebabkan angka yang agak memuaskan di dalam perangkaan terbaru Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) ... (21)
4. Memandangkan ekonomi semakin **baik** *sekarang* mereka mulai mengejar kaunter itu,” kata penganalisis itu. (22)
5. Kata mereka saham-saham Telekom, syarikat gergasi kemudahan awam itu, merupakan belian pelaburan yang **baik** *sekarang* ini. (38)
6. Seorang peniaga berkata sungguhpun pengambilan untung adalah ciri utama dalam sesi kedua, ia tidak akan mengubah pasaran yang **positif** *sekarang*. (49)
7. ...letupan berlaku yang **hampir** *serentak*. (31)

Berdasarkan 12 kata adverba yang dikaji, dapat dirumuskan bahawa pola kehadiran kata adverba tersebut terbahagi kepada dua, iaitu ada kata adverba yang boleh hadir di hadapan sahaja dan ada yang boleh hadir secara bebas, iaitu di hadapan dan di belakang. Jadual di bawah memperlihatkan kehadiran kata adverba yang telah dianalisis.

Kehadiran Kata Adverba	Hadapan Sahaja	Belakang Sahaja	Bebas
nyaris	√		
serentak			√
saling	√		
sempat	√		
sentiasa	√		
barangkali			√
sekarang			√
sama-sama	√		
pura-pura			√
diam-diam			√
betul-betul			√
cepat-cepat			√

### C. Kehadiran Kata Adverba secara Berderet

Daripada analisis pola binaan ayat juga didapati bahawa kata adverba boleh hadir secara berderet. Contohnya dalam frasa *barangkali begitu lantang* kata adverba hadir secara berderet, iaitu *barangkali* dan *begitu* bagi menerangkan kata adjektif **lantang**.

Penerang (Kata Adverba)	Penerang (Kata Adverba)	Kata / Frasa
<i>barangkali</i>	<i>beginilah</i>	bentuk kerjasama
<i>barangkali</i>	<i>begitu</i>	lantang
<i>sentiasa</i>	<i>saling</i>	berkait
<i>sebenarnya</i>	<i>saling</i>	berkait
<i>memang</i>	<i>sentiasa</i>	ada
<i>sebelum</i>	<i>sempat</i>	beliau
<i>hanya</i>	<i>sempat</i>	beraksi
<i>cuma</i>	<i>sempat</i>	beraksi

Binaan tersebut terdiri daripada ayat berikut;

1. *barangkali beginilah bentuk kerjasama* yang ... (107)
2. ... kesusasteraan dan kebudayaan *sentiasa saling berkait*. (203)
3. Bidang mikrobiologi *sebenarnya saling berkait* dengan bioteknologi, yang ... (210)
4. Ruang untuk pembiakan *memang sentiasa ada*, dan anda mampu ... (65)
5. ... Wolfe House, terbakar *sebelum sempat* beliau **tinggal** di situ. (108)
6. Biar pun *hanya sempat beraksi* pada babak pertama... (130)
7. ... oleh Naves walaupun *cuma sempat beraksi* selama enam bulan... (132)

### 2. Kata Adverba Jati Lain

Penelitian yang dibuat juga menemukan pengkaji dengan beberapa kata adverba lain yang dilihat tidak tergolong dalam mana-mana golongan kata sebelum ini. Namun, perkataan ini

berfungsi sebagai penerang bagi kata nama/frasa nama, kata kerja/frasa kerja, kata adjektif/frasa adjektif dan frasa sendi nama. Ada 15 kata adverba yang ditemui, iaitu:

<i>cenderung</i>	<i>seharusnya</i>	<i>sememangnya</i>	<i>sepatutnya</i>	<i>adakalanya</i>
<i>hanya</i>	<i>selalunya</i>	<i>semestinya</i>	<i>sewajarnya</i>	<i>cuma</i>

Berikut diperturunkan ayat-ayat bagi kata adverba tersebut.

a. *cenderung*

1. ... besar dan kuat akan sentiasa *cenderung* ke arah menekan ... (1771)
2. Pembeli yang lebih selektif sekarang *cenderung* menghindarkan daripada projek ... (1315)

b. *hanya*

1. ... dalam cengkaman mereka dan sentiasa *hanya* bergantung kepada mereka. (2573)
2. "Sekarang *hanya* Islam ditonjolkan tetapi ... (2195)
3. "Sistem sekarang *hanya* tertumpu kepada kumpulan... (2203)

c. *seharusnya*

1. Pelabur tidak *seharusnya* sentiasa mengharapkan pembayaran dividen dan ... (4603)
2. Masyarakat *seharusnya* sentiasa aktif dan bersedia memainkan ... (4607)
3. ... di bilik darjah *seharusnya* sentiasa berubah dari semasa ke ... (4612)

d. *selalunya*

1. ... kerana pengurus dana *selalunya* sentiasa mengambil kira risiko pelaburan ... (4638)

e. *sememangnya*

1. ... masalah ajaran sesat *sememangnya* sentiasa bertindak sedemikian dengan tujuan ... (4661)
2. "Kerajaan *sememangnya* sentiasa berusaha memperkukuhkan ekonomi dengan ... (4662)
3. ... dan ahli PIBG *sememangnya* sentiasa bekerja keras serta bermuafakat ... (4663)

f. *semestinya*

1. ... pula pihak kontraktor *semestinya* sentiasa bersedia untuk menangani sebarang ... (4665)
2. ... bahawa mereka tidak *semestinya* sentiasa betul dan kami tidak ... (4666)
3. ... dan kami tidak *semestinya* sentiasa salah,” katanya. (4667)

g. *sepatutnya*

1. ... Shariff berkata, Ismail *sepatutnya* sentiasa mengawasi pergerakan Aishah dan ... (4697)
2. ... tahun lalu, mereka *sepatutnya* sentiasa serius bertanding dan menggunakan ... (4698)
3. ... setiap yang terbabit *sepatutnya* sentiasa berhati-hati menguruskan alam supaya ... (4699)

h. *sewajarnya*

1. Justeru, setiap anggota *sewajarnya* sentiasa bersedia setiap masa kerana ... (4765)
2. ... itu, setiap rakyat *sewajarnya* sentiasa bersopan-santun dan mesra ... (4766)

i. *adakalanya*

1. “Garis panduan yang wujud sekarang *adakalanya* membebaskan guru, mereka ... (97)

j. *cuma*

1. ... pop atau rock tempatan sekarang *cuma* tiruan daripada apa-apa ... (1340)
2. ... sesi persidangan Dewan Rakyat sekarang *cuma* membabitkan banyak perkara ... (1342)

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini menjawab persoalan berkaitan pola kehadiran kata adverba dalam ayat. Daripada kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kata adverba boleh hadir di hadapan atau di belakang kata nama atau frasa, sama ada kata nama atau frasa nama, kata kerja atau frasa kerja, kata adjektif atau frasa adjektif dan frasa sendi nama. Ada sebahagian kata adverba boleh menjadi penerang bebas, iaitu boleh hadir di hadapan atau di belakang

kata atau frasa. Selain itu, kajian ini juga menemui kehadiran kata adverba secara berderet, selain daripada penemuan kata-kata adverba jati yang lain dalam korpus kajian.

## Rujukan

- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi: Siri pembelajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa pedagogi untuk sekolah menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Arbak Othman. (1985). *Mengajar tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Nahu kemas kini*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir. (edisi kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang. (1985). *Nahu Melayu moden*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Lufti Abas. (1992). *Linguistik deskriptif dan nahu bahasa Melayu (edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa dewan (edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2007, September 19). Kata adverba (bahagian I). *Berita Harian*.
- Nik Safiah Karim. (2007, Oktober 17). Kata adverba (bahagian II). *Berita Harian*.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1997). *Tatabahasa dewan (edisi baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain. (1985). *Tatabahasa pegangan*. Petaling Jaya: Agensi Penerbitan Nusantara.
- Za'ba. (1965). *Pelita bahasa I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.